



AHMAD (kiri) melihat projek pembinaan pemecah ombak di Port Dickson.

Pengusaha feri di jeti JLM lega pemecah ombak siap

Projek RM14j elak kerosakan bot, beri keselesaan

Oleh Noraziah Othman
@news@bhaman.com.my

PORTDICKSON: Pengusaha feri dan bot kecil yang berlabuh di Jeti Penumpang Jabatan Laut Malaysia (JLM), di sini, kini mampu menghela nafas lega apabila projek pengerukan dan pemecah ombak bernilai RM14 juta yang dibina sejak kira-kira tiga tahun lalu siap.

Ketua Pengarah JLM, Datuk Ahmad Othman, berkata projek yang dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) itu bertujuan memberi keselesaan kepada pengusaha feri dan bot kecil berlabuh di jeti berkenaan.

"Kita menerima banyak

aduan daripada pengusaha feri dan bot kecil mengenai kerosakan feri dan bot mereka ketika berlabuh di jeti ini akibat arus yang kuat, terutama ketika musim angin monsun barat bertiup ke sini.

"Jadi, kita berharap dengan siapnya projek ini akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi mereka, selain menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang," katanya pada majlis penyerahan projek itu, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengarah Laut Wilayah Tengah, Hazman Hussein.

Ahmad berkata, mengikut statistik, kira-kira 5,000 penumpang feri menggunakan jeti berkenaan setiap bulan

dengan tujuh pengusaha feri dan bot beroperasi serta mengendalikan perkhidmatan di perairan itu.

Sementara itu, Pengusaha Feri Acob Ekspres, Yaakob Husin, berkata pembinaan projek pemecah ombak berkenaan memang diperlukan bagi membolehkan pengusaha dapat menurun dan mengambil penumpang dengan selamat dan selesa.

"Ombak kuat menyebabkan feri sentiasa melambung dan berada dalam keadaan tidak stabil yang boleh membahayakan penumpang yang turun atau menaiki feri. Jadi, siapnya projek ini lebih menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang," katanya.